

Konsep pertanian bandar boleh tambah pendapatan

S/HARIAN
MS 3
25/2/17.

Muar: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus menggalakkan konsep pertanian bandar yang berupaya memberi nilai tambah dan sumber pendapatan kepada pengusahanya.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya akan melancarkan pelbagai program pertanian bandar supaya lebih banyak kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mengambil bahagian dalam konsep terbabit di kawasan masing-masing.

"Kita ada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang boleh memberikan khidmat nasihat dan rundingan, begitu juga Jabatan Pertanian yang pada bila-bila masa akan menyokong usaha ini.

Beri pelbagai faedah

"Ini akan memberi pelbagai faedah kepada rakyat di samping melestarikan alam sekitar dan menambah sumber pendapatan ekonomi dalam pertanian bandar ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Pelancaran Taman Ideal dan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Daerah Muar di Surau An-Najah, Taman Sri Bakri III di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar (MPM), Mustaffa Kamal Shamsudin.

Salahuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram berkata, penggunaan teknologi fertigasi dilihat berkesan dalam menjayakan program pertanian bandar kerana mampu dilaksanakan walaupun di kawasan yang terhad.

"Teknologi fertigasi ini sangat berkesan. Kita dapat menggunakan kawasan terhad, namun hasilnya boleh memberi nilai tambah dan pendapatan agak lumayan kepada pengusaha atau penggiatnya," katanya.

Mengenai program terbabit, beliau berkata, sudah tiba masanya disiplin dalam aspek kebersihan ini menjadi satu keutamaan dalam setiap diri anggota masyarakat di daerah ini.

Katanya, usaha yang dilaksanakan MPM sehingga Muar diiktiraf sebagai bandar yang bersih diharapkan akan menjadi pendidikan kepada masyarakat untuk turut serta menjadikan amalan penjagaan kebersihan ini sebagai satu budaya bagi penduduk di sini.